


Satu Ulasan Tentang Definisi Manusia

ABDUL LATIF SAMIAN

PENGENALAN

Manusia telah menjadi bahan pemikiran kefalsafahan dalam segenap bidang sejak zaman berzaman. Para pemikir, sasterawan, ahli-ahli sains, sentiasa menjadikan manusia sebagai objek pemikiran mereka sejak daripada mereka boleh berfikir. Setidak-tidaknya, mereka akan berfikir tentang diri mereka sendiri jika tidak berkenaan dengan diri orang lain. Dalam pelbagai peradaban, ahli-ahli fikir berusaha untuk mengenal pasti hakikat kemanusiaan kerana bertolak daripada hakikat inilah maka segala ilmu tentang manusia boleh dibina ataupun penemuan-penemuan tentang tabii tingkah laku manusia boleh difahami, diterangkan dan dijangkakan. Segala usaha untuk membentuk sesebuah masyarakat itu semestinya berdasarkan kepada hakikat manusia ataupun erti kemanusiaan yang dipercayai oleh pengasas pembentukan masyarakat itu. Jawapan kepada hakikat kemanusiaan ini jugalah nantinya yang mencorakkan agenda pembangunan sesebuah negara ataupun dijadikan sebagai asas kepada usaha-usaha untuk menentukan berjaya atau gagalnya seseorang manusia ataupun memberi makna sama ada hidupnya itu penuh dengan kualiti kebahagiaan ataupun kesengsaraan. Persoalan tentang nikmat kehidupan, makna kehidupan, merealisasikan diri, potensi diri, matlamat hidup dan nilai benda di samping makna betul atau salah serta hakikat baik buruk bertolak daripada jawapan kepada persoalan tentang hakikat manusia sebenarnya. Dalam ulasan ini, penulis akan mengengahkan definisi yang lain tentang manusia dan kemanusiaan.

Pentingnya jawapan ini dicari kerana kita tidak akan dapat menyelesaikan permasalahan kemanusiaan dengan munasabah jika kita tidak dapat mendefinisikan manusia dengan munasabah, iaitu jika kita tidak tahu apa itu manusia. Jelas sekali masalah kemanusiaan terbit ataupun mestilah berkait dengan sesuatu yang dinamakan manusia, dan bukannya tercetus daripada perkara-perkara yang langsung tiada hubungannya dengan manusia. Malah sangat sukar untuk manusia memikirkan tentang sesuatu yang tidak ada kaitan dengan kemanusiaan kerana manusia, *qua* manusia, hanya boleh terfikir tentang perkara yang wujudnya mempunyai kaitan secara langsung maupun tidak langsung dengan manusia. Justeru sangatlah penting untuk kita memikirkan tentang manusia demi memahami segala masalah yang timbul yang berkaitan



dengan kemanusiaan, seperti persoalan tentang pembangunan manusia, kebobrokan manusia, pendidikan manusia, kemuliaan manusia, tingkah laku yang betul ataupun salah, pencapaian manusia, hasil usaha manusia seperti lukisan, novel, pena dan lagu, di samping mimpi, kereta, manusia lain dan wang.

Segalanya bermula sama ada daripada ada ataupun tidak ada. Tidak mungkin segalanya bermula daripada tidak ada kerana tidak ada tidak ada makna melainkan adanya ada terlebih dahulu. Oleh itu segalanya semestinya bermula daripada ada. Yang ada pula semestinya berpunca ataupun sebahagian dari yang Maha Ada kerana tidak mungkin yang Maha Ada keseluruhannya terletak daripada yang ada, iaitu yang lebih kecil daripada yang Maha Ada itu. Yang ada itu sama ada berpunca daripada yang lebih ada, yang ada, ataupun yang kurang ada. Yang ada tidak boleh berasal dalam erti kata berubah dari yang ada kerana yang ada telah pun ada, iaitu tidak timbul persoalan perubahan tentang adanya ada. Yang ada tidak boleh berpunca dari yang kurang ada kerana yang ada lebih dari yang kurang ada. Oleh itu yang ada semestinya berpunca dari yang Maha Ada. Begitu juga dengan kreativiti; semestinya kreativiti berpunca dari yang Maha Kreatif. Yang selainnya hanyalah boleh ada sebagai akibat daripada yang Maha Ada yang juga Maha Kreatif. Sebagaimana yang Maha Kreatif menciptakan yang kreatif, begitulah yang kreatif (manusia) menciptakan yang lainnya, menggunakan segala yang ada yang telah diciptakan terlebih dulu oleh yang Maha Ada daripada tiada.




DEFINISI BARU

Manusia telah didefinisikan dengan pelbagai cara. Aristotle melihat manusia sebagai haiwan yang boleh berkata-kata dan juga sebagai haiwan politik. Adam Smith dan Karl Marx mendefinisikan manusia sebagai agen ekonomi semata. Para kapitalis melihat manusia sebagai agen ekonomi yang tingkahlakunya berpaksikan kepada mengutamakan keuntungan individu sementara para komunis meniadakan institusi hak milik peribadi.

Charles Darwin pula mendefinisikan manusia sebagai jenis (*species*) kehidupan yang tidak berbeza asal-usulnya daripada haiwan. Definisi Darwin ini misalnya boleh sahaja dipalsukan. Darwin menyatakan bahawa manusia dan haiwan berpunca daripada sel yang sama. Pengikutnya pula mempercayai bahawa manusia adalah hasil evolusi, atau ringkasnya manusia (yang lebih tinggi) berasal dari sesuatu yang lebih rendah (seperti mawas), sekaligus menggenepikan keistimewaan asal-usul kejadian manusia berbanding dengan haiwan, iaitu adanya manusia sehingga ke hari ini adalah kerana '*naturally selected*' dan cukup '*fit*' untuk '*survive*' (*survival of the fittest*), pandangan yang sepenuhnya bersifat '*naturalistic*' yang tidak memerlukan kepada






kepercayaan adanya kategori kewujudan yang ‘*supernatural*’ sifatnya. Dari segi deduksi, jelas sekali pandangan Darwin sangat sukar dipertahankan kerana kerana prinsip ontologi bahawa “yang menjadi asas tentulah melebihi daripada yang diasaskan” ataupun yang mencipta tentulah melebihi daripada yang dicipta; tidak mungkin manusia diciptakan oleh sel ataupun mana-mana manusia tercipta dengan sendirinya. Yang berlaku adalah jasad manusia membesar (bukan tercipta) daripada sel sebagaimana pokok membesar dari benih pokok. Oleh kerana itu juga ada jasad yang dilahirkan (*stillbirth*) tetapi bukan manusia sebenar sebab manusia bukan terjadi sekadar akibat pembesaran jasadnya. Jikalau manusia hanya jasad, maka tidaklah ada manusia yang dikatakan mati jika jasadnya masih ada.

Mustahil untuk kita menidakkan yang kita ini ada. Kita bermula dengan yang Maha Ada. Sesungguhnya Tuhan yang mengadakan manusia adalah yang Maha Kreatif. Immanuel Kant betul apabila menyatakan manusia tidak boleh dianggap sebagai alat semata; Rene Descartes juga betul apabila menyatakan bahawa ada fikiran (*res cogitans*) dan jasmani (*res extensa*) pada manusia. Sungguhpun demikian, kedua-dua pemikir ini silap apabila menganggap bahawa aspek fikiran (*nous*) manusia adalah yang terpenting dalam mendefinisikan manusia dan menilai kemanusiaan. Descartes khususnya silap apabila mengengahkan kewujudan manusia sebagai berteraskan kepada dualisme fikiran (*res cogitans*) dan jasad (*res extensa*) sahaja berdasarkan tabii kewujudan kedua-dua *substan* yang berbeza itu- fikiran yang tabiinya tak terhingga berbanding dengan jasad yang tabiinya terhingga.

Tidak ada ahli falsafah yang menafikan kewujudan jasad yang ada pada manusia. Yang menjadi persoalannya adalah unsur selain daripada jasad itu (jika ada) dan bagaimana ianya berbeza dengan kewujudan jasad. Misalnya, adakah perbezaan ini perbezaan dari segi darjah (*degrees*) ataupun jenis (*kinds*)? Bayi yang lahir akan menangis. Tangisan ini tidak boleh dikatakan jasmani kerana ianya adalah hasil daripada pergerakan jasmani, khususnya suara yang terbit dari mulutnya. Justeru unsur kedua yang ada kepada manusia adalah perasaannya ataupun aspek afektifnya. Dengan rasa dan perasaannya bayi itu dapat mengenali dan menamakan, khususnya ibunya, sebelum dapat mengenali dan kemudiannya menamakan kewujudan-kewujudan lain. Bayi itu boleh ‘tahu’ siapa ibunya baik semasa menangis maupun tidak, iaitu dalam apa jua keadaan perasaannya, juga sama ada ibunya itu didepan matanya ataupun tidak. Pengetahuan ini tidak bertempat di dalam perasaannya tetapi dalam fikirannya, dan ini merujuk kepada aspek kognitifnya. Aspek kognitif inilah yang menjadi unsur ketiga yang ada dalam kewujudan manusia. Aspek kognitif ini juga bukannya jasmaninya kerana kewujudan jasmani adalah terhingga sedangkan tabii fikiran adalah tak terhingga; di sinilah betulnya Descartes, mustahil untuk kita memikirkan sesuatu yang secara benar-benar terhingga kerana yang




terhingga itu senantiasa berasaskan kepada yang tak terhingga; yang menjadi asas tentulah senantiasa melebihi daripada yang diasaskan sebagaimana tapak rumah semestinya lebih besar daripada rumah yang hendak didirikan.

Sungguh pun demikian, ada unsur lain pada diri manusia yang tidak boleh dikategorikan sebagai jasmani, perasaan dan kognitif. Unsur ini menjadi asas kepada ada atau bergeraknya jasad, berfungsinya perasaan dan terkumpulnya ilmu. Sebagai contoh, seorang yang lumpuh jasmaninya masih lagi dikatakan hidup, seorang yang lumpuh jasmani dan tiada perasaan juga dikatakan hidup, seorang yang lumpuh jasmani, tiada perasaan dan hilang fikiran juga masih dikatakan hidup. Ini menunjukkan bahawa ada sesuatu yang tidak boleh dikategorikan sebagai jasmani, perasaan ataupun fikiran dan ini dinamakan roh. Roh inilah yang mendasari kewujudan manusia. Jika dilihat dari segi lain, matinya atau tiadanya manusia itu ialah apabila tiada lagi rohnya, dan bukan badan, fikiran ataupun perasaannya. Oleh yang demikian, roh inilah unsur terpenting daripada keempat-empat unsur tersebut kerana ia yang paling asas dalam menakrifkan kemanusiaan.

Dalam kehidupan manusia, yang paling mudah berubah adalah badannya, diikuti dengan perasaannya dan seterusnya kognitifnya. Jika umurnya panjang, yang paling cepat tua adalah badannya, diikuti dengan perasaannya dan kemudian ilmunya, iaitu apabila unsur kognitifnya semakin kurang berupaya, ketika dia sukar lagi menamakan benda-benda yang dia tahu sebelumnya (pelupa dan nyanyuk). Dalam semua proses perubahan ini, unsur yang tidak berubah ialah rohnya- dia adalah orang yang sama semalam, hari ini dan esuk. ‘Dia’ itu merujuk kepada roh, dan bukan jasad, perasaan ataupun ilmunya. Dalam erti kata lain, daripada keempat-empat unsur yang *real* ini, kewujudan rohlah yang paling *real*, diikuti kemudiannya dengan ilmu, perasaan dan jasad. Oleh itu pastinya manusia terbagi kepada empat unsur tersebut iaitu jasad, perasaan, ilmu dan kerohanian. Persoalannya, apakah yang membezakan manusia dengan makhluk lain?

Untuk menjawap soalan tersebut, kita perlu meneliti kualiti setiap unsur yang menjadikan manusia itu yang membezakannya dengan makhluk lain yang juga ada roh, kognitif, perasaan dan jasad iaitu haiwan. Saya menyatakan bahawa kualiti kreativitas yang membezakan di antara manusia dengan binatang.

Kita lihat peringkat yang paling rendah iaitu kewujudan jasad. Hanya manusia yang boleh mereka cipta jasadnya-dia boleh mengubah-ubah warna, bentuk dan fungsi wajah, tangan, kaki bahkan semua kelima-lima panca inderanya, hatta tanpa sebelum revolusi sains dan teknologi lagi pun sebagaimana yang dilakukan oleh orang-orang asli sejak zaman paleolithik lagi. Terdapat manusia sanggup menahan sakit yang amat demi mengubah lahiriahnya seperti mengecilkan kakinya, memanjangkan leher dan telinganya ataupun




mempelbagaikan warna jasadnya. Ini dilakukan dengan menggunakan jasadnya juga, iaitu jasadnya juga yang mereka dan direka; kualiti ini tidak ada pada binatang.

Perasaan manusia juga mempunyai kualiti kreatif yang tidak ada pada binatang. Manusia boleh mereka perasaannya sehingga dia boleh menyukai sesuatu yang asalnya dia benci ataupun membenci sesuatu yang awalnya dia suka. Binatang tidak akan makan makanan yang bukan kebiasaannya; melainkan kebiasaan itu diubah oleh manusia yang boleh mereka kemahuan binatang itu, dan bukannya terbit daripada *fitrah* binatang itu sendiri. Ramai di antara kita pernah berpengalaman memaksa perasaan kita menyukai sesuatu yang telah kita tersilap pilih ataupun membenci sesuatu yang kita pilih kerana kita suka. Kita juga boleh memaksa perasaan kita supaya suka doktor gigi walaupun kita tahu bahawa kita akan berasa sakit apabila gigi dicabut. Tidak kurang juga yang berusaha mengubah perasaan terhadap rakan yang terpaksa berkongsi kerja; iaitu dia boleh mereka perasaannya sehingga bersesuaian dengan kemahuan jangka panjangnya yang kadangkala bertentang dengan keinginan semertanya. Jika boleh dia mahu kawan baiknya menjadi rakan sepasukan ataupun memilih sendiri pasangan hidupnya dan bukannya orang lain. Keupayaan ini tidak ada pada binatang, dan kalau adapun adalah hasil daripada rekaan manusia ke atas perasaan binatang itu, manusia mereka perasaan binatang itu sehingga menjadi lain daripada kebiasaannya.

Fikiran manusia mula mereka menerusi titik dan nombor. Berbekalkan nombor satu dan satu titik, manusia boleh menulis dan mereka nombor-nombor lain seperti nombor transenden dan nombor tak terhingga serta bentuk-bentuk geometri yang bertolak daripada pelbagai jenis garisan yang asalnya dibentuk daripada dua titik yang kedua-duanya berpunca daripada satu titik. Dari nombor dan titik inilah segala jenis lukisan dapat dihasilkan, idea-idea didokumenkan dalam buku-buku dan jurnal, bangunan dapat dibina, teori dapat diketengahkan, baju dapat dibuat, bulan, bintang dan planet dapat diwakilkan dalam model-model matematik dan telatah manusia lain, binatang, sel dan tumbuh-tumbuhan dapat dikaji dan direka penerangan-penerangannya yang sebaik mungkin pada sesuatu zaman itu. Berdasarkan pemerhatian ini jugalah saya menyatakan bahawa '*Mathematics is the language of creativity*'. Sudah pasti binatang tidak mempunyai keupayaan mereka ini kerana binatang tidak boleh bermatematik.

Keupayaan mereka jugalah yang membezakan di antara roh manusia dengan roh binatang. Roh manusia mereka pelbagai jenis hasil kerohanian yang bertolak daripada niatnya yang juga direkanya. Manifestasi daripada rekaan kerohanianya itu adalah kepelbagaian agama, yang tidak ada pada binatang. Hanya manusia yang mempunyai tuhan yang pelbagai di dunia ini. Binatang tidak mempunyai 'rumah-rumah kerohanian' sebagaimana manusia. Jika roh manusia tidak diberikan kualiti kreatif, sudah semestinya mereka juga



akan tunduk patuh kepada Allah s.w.t. Tuhan yang Maha Esa sebagaimana tunduk patuhnya binatang-binatang ini kepada hukum-hukum Tuhan (*sunnatullah*) yang mengatur alam ini.


Berdasarkan kepada kualiti kreatif yang ada pada unsur-unsur kemanusiaan inilah maka dalam ulasan ini saya menyatakan bahawa 1) kualiti kreatif adalah kualiti yang *intrinsic* pada manusia 2) manusia adalah *satu-satunya* makhluk yang yang boleh mereka dirinya dan makhluk lain 3) kualiti kreatif manusialah yang membezakan di antara manusia dengan makhluk lain atau sesama manusia.

HAKIKAT KEBAIKAN

Kekreatifan manusia juga termasuk dalam persoalan hakikat kebaikan. Jika tidak ada yang Maha Baik maka tidaklah ada kebaikan. Yang Maha Baik semestinya ada kerana yang baik mesti bersumber daripada yang Maha Baik, sebagaimana panas berpunca dari yang lebih panas (matahari), terang dari yang lebih terang (cahaya) dan yang khusus dari yang umum (premis dalam penaakulan). Manusia yang baik adalah yang boleh menjana kebaikan, baik dari segi niat maupun akibat yang diniatkan. Tanpa kekreatifan ini dia tidak boleh dinamakan manusia yang baik.

Begitu juga kualiti kekreatifan sangat ketara dalam menangani persoalan nilai moral, khususnya apabila berusaha untuk menjadi manusia yang terpuji dari perspektif nilai moral. Yang boleh dipuji itu semestinya terbit dari yang Maha Terpuji kerana tidak mungkin ianya terbit tanpa punca. Seekor kerbau boleh menjadi kerbau yang kuat berkerja, seekor anjing boleh menjadi anjing yang patuh pada tuannya, sebuah lukisan boleh menjadi lukisan yang cantik tetapi hanya manusia yang boleh menjadi keji dan terpuji kerana kewujudan-kewujudan selain manusia tidak ada kekreatifan tingkah laku moral.

Apakah hakikat kebaikan? Bertolak daripada pendirian bahawa yang membezakan manusia dengan makhluk lain adalah kreativitinya, maka tahap kebaikan agen moral adalah berpadanan dengan kreativiti dalam empat perkara iaitu 1) kreatif untuk memilih tingkah laku yang baik, 2) kreatif untuk mendapatkan ilmu yang baik, 3) kreatif dalam menyukai yang baik, dan 4) kreatif dalam bertingkah laku yang baik. Keempat-empat aspek kreatif ini berpadanan dengan empat aspek kewujudan dalam agen moral iaitu 1) niat yang berpaksi pada roh, 2) kognitif, 3) afektif, dan 4) jasmani. Kreatif memilih tingkah laku yang baik berlaku pada peringkat niat. Niat ialah punca tingkah laku agen moral kerana dari niat barulah tercetus idea, diikuti dengan kemahuan, bertingkah laku, kemudiannya menjadi kebiasaan dan akhirnya karektor. Agen moral yang baik ialah yang boleh mereka niat yang baik, iaitu menyengajakan tingkah laku yang baik. (Namun begitu menilai tingkah laku hanya berteraskan kepada niat adalah




terlalu lembut sementara menilai tingkah laku berteraskan kepada akibat adalah terlalu keras.) Peringkat kreativiti seterusnya ialah mendapatkan idea iaitu aspek kognitif, tentang usaha memperolehi ilmu yang baik. Agen moral perlu mereka ilmu yang baik yang boleh dihayati olehnya. Selepas mengetahui ataupun mengenali tentang sesuatu yang baik itulah baru beliau boleh mereka untuk tercetusnya kemahuan kerana '*for a thing unknown there is no desire*'. Kita hanya 'mahu' sesuatu itu selepas kita 'tahu' tentangnya. Dengan adanya kemahuan itulah baru kita merekacipta untuk mengerakkan jasmani kita ke arah mendapatkannya, iaitu ke arah melakukan yang betul dan yang baik untuk mendapat kebaikan, yang bertolak dari keupayaan untuk mereka niat yang baik (*by way of thought we are given, by way of action we can received*).

Keempat-empat unsur ini boleh juga diperturunkan secara kasarnya kepada tiga bahagian yang menjadikan agen moral iaitu kesatuan antara jasmani (*the hand*), kognitif (*the head*) dan niat berserta kemahuan (*the heart*) atau dalam istilah lain, kesatuan antara jasmani (*the senses*), ilmu (*the soul*), dan niat berserta kemahuan (*the spirit*). Ringkasnya agen moral dikatakan manusia yang boleh mereka kebaikan jika kesemua bahagian kemanusiaan dalam dirinya itu dapat mencetuskan kebaikan. Tanpa kreativiti inilah juga manusia tidak boleh menikmati kebaikan, kerana kebaikan hanya boleh dihasilkan akibat daripada kreativiti. Intisari kepada kepercayaan agen moral mereka kebaikan adalah kerana ia berpunca daripada hakikat kebaikan, iaitu yang Maha Kreatif yang juga adalah yang Maha Baik.

HAKIKAT BETUL DAN SALAH

Pertimbangan yang sama juga digunakan untuk mengenal pasti hakikat betul dan salah. Tuhan yang Maha Kreatif juga adalah yang Maha Betul kerana dariNyalah segala rekaan tentang betul dan salah tercetus. Tingkah laku yang betul bermula dari kreativiti yang betul di peringkat niat, berpandukan kepada ilmu kreatif yang betul, bertolak daripada mencipta kemahuan yang betul, untuk menghasilkan tingkah laku yang betul. Apabila kita 'membetulkan niat' kita sebenarnya mereka niat. Oleh itu proses kreativiti itu juga melalui keempat-empat peringkat tersebut-di peringkat niat, pengetahuan, kemahuan dan tingkah laku yang boleh dicerap. (*What is known is known through the action*). Dari perspektif lain pula, kreativiti agen moral mestilah melalui tiga peringkat yang kasar iaitu kreativiti di peringkat ruh dan kemahuan (*heart*), kognitif (*head*) dan jasmani (*hand*). Tahap-tahap ini boleh juga diterjemahkan ke peringkat ruh dan kemahuan (*spirit*), kognitif (*soul*) dan jasad (*senses*) seperti dinyatakan di atas. Pada kesemua peringkat ini manusia merealisasikan kreativitinya untuk memanifestasikan kemanusiaannya. Tanpa kreativiti ini manusia tidak boleh



menjadi manusia, apakah lagi manusia yang bermoral (baik dan betul). Sebagaimana kreativitinya menjadikannya manusia yang boleh memilih di antara tingkah laku yang betul dengan yang salah, kreativitinya jugalah yang menjadikannya manusia yang boleh dipuji dan dikeji.

KESIMPULAN

Terdapat pelbagai cara mendefinisikan manusia. Setiap definisi itu menyerlahkan sifat manusia yang khusus yang menjadikannya manusia. Salah satu cara mendefinisikan manusia adalah menerusi kreativitinya. Adanya manusia adalah kerana adanya sifat Maha Kreatif pada Tuhan yang Maha Esa; adanya sifat kemanusiaan pada manusia adalah kerana adanya sifat kreatif pada manusia. Sifat kreatif yang *intrinsic* pada unsur-unsur kemanusiaan inilah yang membezakan di antara manusia dengan makhluk lain, yang menjadikan manusia makhluk yang boleh dipertanggungjawabkan, berbanding dengan sifat-sifatnya yang lain. Istimewanya manusia itu bukanlah pada akalnya seperti yang dianjurkan oleh golongan Stoic, tetapi pada kreativitinya kerana akal tidak boleh berfungsi dan menghasilkan tanpa kreativiti sebagaimana jasad dan juga perasaan. Yang lebih asas dari itu, manusia tidak mungkin ada sifat mereka tanpa adanya Maha Perekat. Mendefinisikan manusia sebagai *satu-satunya* makhluk yang istimewa kualiti kreatifnya menunjukkan betapa tak terhinggaanya kekreatifan Tuhan itu, iaitu Tuhan yang menjadikan manusia yang kreatif itu sesungguhnya Maha Kreatif, yang kesempurnaanNya diungkapkan menerusi Nama-namaNya. *Wallahu'alam*.

RUJUKAN

- Ree, J., & Urmson J.O. 2004. *The Concise Encyclopedia of Western Philosophy*, Routledge, UK.